

Kursus Bimbing dan Perkasa PSM MSM Sesi 2018/2019 UMS

UB 30.8.2018 B3

JABATAN Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Kursus Bimbing dan Perkasa Pembimbing Suai Mesra (PSM) Minggu Suai Mesra (MSM) bagi Sesi 2018/2019 yang bermula 20 sehingga 26 Ogos bertempat di Dewan Kolej Kediaman Tun Fuad, UMS.

Objektif kursus itu adalah untuk memantapkan semangat jati diri, disiplin, kebersamaan, kerjasama dalam berpasukan dan pendedahan kepimpinan kepada para peserta.

Kursus itu terbahagi kepada dua iaitu Kursus Bimbing dan Kursus Perkasa. Kursus Bimbing melibatkan 33 pemimpin pelajar daripada Majlis Tertinggi (MT) dan Majlis Eksekutif (ME) yang diadakan pada 20 hingga 21 Ogos manakala Kursus Perkasa melibatkan mahasiswa UMS yang dipilih iaitu seramai 241 orang termasuk MT/ME yang diadakan pada 24 hingga 26 Ogos.

Penyelaras bagi kursus itu adalah Ketua Bahagian Pembangunan Pelajar JHEP Mardena Jiwan. Para

fasilitator yang terlibat adalah terdiri daripada pegawai-pegawai JHEP iaitu Adzmil Abidin, Jumrat Minsun, Alan James, Mohd Jamal Atong, Harun Tambiri, Fazilah Nur Ahmad, Norain Abd Razak, Norhana Nordin, Rohaizam Lamdin, Jalani Moksin, Faridah Samsuddin Rodzal, Mohd Shaffri dan Wenley Joy.

Majlis Perasmian Penutupan Kursus PSM MSM sesi 2018/2019 diadakan pada



SALAH satu aktiviti yang dijalankan.



PESERTA mengikuti Kursus Bimbing dan Suai Mesra dengan penuh semangat.



AHMADI menyampaikan sijil kepada pembimbing.



PENYAMPAIAN sijil kepada peserta.



PESERTA Kursus Bimbing dan Suai Mesra MSM UMS.

malam 26 Ogos. Sesi penyerahan watikah pelantikan kepada PSM disampaikan oleh Ketua Jabatan Ahmadi Nurdin yang mewakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) yang tidak dapat hadir atas sebab urusan rasmi yang lain.

Turut hadir di majlis itu ialah Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha Kol Dr Mohamad Nizam Nazarudin, Pengetua Kolej Kediaman Tun Fuad Dr Puteri Hayati Megat Ahmad dan Pengarah Kursus PSM MSM Ke-24 UMS Muham Jivean Johan Wira Ahmad.